

Kad Kredit: Isu Keselamatan dalam Perbankan Elektronik dan Penggunaannya di Sisi Syara’

Ahmad Shamsul Abd Aziz*

Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia

Rosmawani Che Hashim

Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya

*Corresponding author; email: sham@uum.edu.my

ABSTRAK

Perniagaan perbankan di Malaysia mengalami perubahan yang pesat bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa hari ini. Perbankan elektronik merupakan satu cabaran baru dalam era teknologi maklumat terkini khususnya dalam menjayakan perihal berkaitan transaksi maya. Kad kredit dilihat sebagai satu alat popular dalam melaksanakan urusan maya khususnya berkaitan dengan soal pembayaran. Antara masalah paling utama perbankan Internet adalah pencerobohan maklumat pelanggan seperti maklumat kad kredit. Hakikatnya pencerobohan ini boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu pihak tidak bertanggungjawab berjaya mengakses maklumat peribadi pelanggan semasa urusan perbankan menerusi Internet dilakukan serta kaedah “phishing” atau kecurian identity menerusi laman web palsu. Walau bagaimanapun, pelanggan khususnya umat Islam seringkali meragui penggunaan kad kredit kerana ia dikatakan bertentangan dengan syara’. Justeru, kertas kerja ini adalah bertujuan untuk melihat isu-isu keselamatan penggunaan kad kredit menerusi transaksi atas talian serta penggunaan kad kredit di sisi syara’ dalam urusan harian.

Katakunci: *kad kredit, urusan maya, phishing, syara’*

Credit Card: Safety Issues in Electronic Banking and Its Usage in Syara’

ABSTRACT

Backing businesses in Malaysia are undergoing rapid changes in adapting themselves to the current situation. Electronic banking is a new challenge in the current information era especially in realizing the modes concerning visual transactions. Credit cards seemed to be a popular tool in implementing a visual transaction particularly related to payments. Among the main problems in internet banking is the encroachment of customers’ information such as that of credit cards. Basically, this encroachment can occur in two situations, whereby non-responsible party has access to the customers’ personal information during banking services through the internet as well as an approach termed as “phishing” or theft of identity through the false web-sites. Nevertheless, the customers, especially the Muslim ummah, are always dubious at the credit cards as they are presumed to be against the syara’. Hence, this article aims at looking at the safety issues pertaining to the use of credit cards through the on-line transactions as well as the use of credit cards for daily transactions based on syara’.

Keywords: *credit cards, visual transactions, phishing, syara’*

PENDAHULUAN

Evolusi perbankan di Malaysia telah berkembang daripada menghasilkan produk dan perkhidmatan perbankan konvensional seperti deposit dan pinjaman kemudian beralih kepada ciri-ciri yang lebih

canggih dan maju seperti perbankan Internet. Perkhidmatan perbankan juga dipelbagaikan dengan pengenalan produk dan perkhidmatan baru seperti kad kredit dan debit, produk pelaburan (insurans dan amanah saham), produk dan perkhidmatan pembiayaan (pembiayaan perdagangan dan saham), kemudahan perdagangan dan kredit, kiriman wang, pinjaman kepada sektor prioriti dan perbankan Islam. Perbankan elektronik merupakan suatu sistem di mana saluran elektronik seperti telefon dan internet digunakan dalam melaksanakan suatu transaksi perbankan. Perkhidmatan teleperbankan diperkenalkan buat pertama kalinya pada tahun 1992 di mana bank membenarkan pelanggannya melaksanakan transaksi perbankan tanpa perlu hadir ke premis bank menerusi *PC Banking* yang menawarkan kemudahan kepada pelanggan bank untuk melaksanakan transaksi perbankan dari rumah melalui komputer (Azlin Namili, 2004). Bank Negara Malaysia telah membenarkan bank tempatan untuk melaksanakan perkhidmatan perbankan elektronik sepenuhnya bermula Jun 2000.

Kad kredit merupakan salah satu instrumen pembayaran yang sah mengikut Akta Sistem Pembayaran 2003 (Payment System Act 2003). Transaksi penggunaan kad kredit sendiri telah meningkat secara keseluruhan di Malaysia. Menurut laporan Bank Negara Malaysia, setakat Ogos 2005, transaksi penggunaan kad kredit di Malaysia meningkat 17 peratus kepada RM22.12 bilion daripada RM18.85 bilion untuk tempoh yang sama pada tahun 2004. Kad kredit yang ada di pasaran kini adalah pada sekitar 7.4 juta, meningkat 48 peratus daripada hanya 5 juta pengguna kad kredit pada 2004 (Jaidi Sahar, 2005). Kad kredit juga merupakan salah satu kaedah pembayaran yang seringkali digunakan dalam transaksi maya. Kad kredit juga menjadi cara pembayaran yang semakin popular, dengan nilai dan jumlah masing-masing meningkat pada kadar tahunan 15% dan 20%. Penerimaan terhadap perbankan Internet sebagai satu saluran pembayaran yang mudah untuk mengakses perkhidmatan perbankan yang semakin meningkat telah menyebabkan bilangan pengguna perbankan Internet melonjak dengan nyata. Bilangan pengguna perbankan Internet kini mencakupi dua pertiga daripada jumlah pengguna Internet. Saluran mod pembayaran elektronik yang terkini ialah perkhidmatan perbankan mudah alih yang memudahkan pengguna untuk mengakses pelbagai perkhidmatan pembayaran seperti pindahan wang, pembayaran bil dan perkhidmatan kad kredit melalui telefon mudah alih. Tambahan lagi, penubuhan sistem pembayaran pelbagai bank berasaskan Internet di Malaysia, iaitu Bursa Pemprosesan Kewangan pada bulan Oktober 2004, akan memudahkan pembayaran secara atas talian untuk pelbagai pembayaran dengan menyediakan saluran yang mudah dan cekap kepada perusahaan perniagaan dan pengguna untuk menjalankan transaksi pembayaran mereka melalui Internet. (www.bnm.gov.my, 2005). Sehingga bulan Oktober 2006, jumlah pelanggan perbankan Internet sudah mencecah 2.5 juta orang dengan lebih 12 juta transaksi sebulan (Mowardi Mahmud, 2006). Oleh yang demikian, isu-isu berkenaan keselamatan pembayaran dan kedudukan penggunaan kad kredit yang merupakan cara pembayaran utama urusan Internet di sisi syarak amat relevan untuk diperbincangkan.

KESELAMATAN PEMBAYARAN DAN KESELAMATAN MAKLUMAT PELANGGAN

Sistem pembayaran yang sesuai bagi transaksi maya atau transaksi melalui Internet adalah ianya perlu selamat digunakan, kos yang dikenakan adalah rendah dan ianya patut diterima oleh semua pihak di mana-mana jua. Smith (1998) menyatakan bahawa terdapat empat perkara utama yang perlu diberi perhatian berkenaan pembayaran menggunakan kad kredit dalam transaksi maya iaitu ciri-ciri keselamatan, kos transaksi, jumlah pengguna dan perlindungan peribadi. Keselamatan maklumat merupakan aspek yang penting dalam transaksi maya agar maklumat pihak yang berinteraksi dirahsiakan. Dua syarikat gergasi utama kad kredit iaitu Visa dan Mastercard telah bergabung dengan Netscape (yang memperkenalkan protokol *Secure Socket Layer* atau SSL) dengan mewujudkan satu protokol yang dinamakan *Secure Electronic Transaction* atau SET. Protokol ini yang menggabungkan sijil digital, kunci awam kriptografi dan tandatangan digital bertujuan untuk memastikan keselamatan pembayaran yang dibuat menerusi Internet (Julian Ding, 2000). Protokol ini juga dapat menentukan kesahihan pihak-pihak yang terlibat dalam suatu transaksi maya. Penggunaan protokol SET dan SSL turut digunakan di

negara kita dan digabungkan bersama *Malaysian Electronic Payment System* atau MEPS. Antara yang menggunakan kaedah ini adalah PayOnline yang diperkenalkan oleh United Overseas Bank (M) Bhd yang membolehkan pembayaran bil-bil dibuat atas talian dengan menggunakan kad kredit. Perbankan Internet ini semakin berkembang dan lebih banyak bank-bank yang memainkan peranan secara langsung, antaranya Maybank dengan kaedah pembayaran atas taliannya yang dikenali sebagai Maybank2u.com serta Bank Islam Malaysia Berhad dengan Bankislam.biz. Maybank misalnya telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan kaedah TAC (*transaction authorization code*) untuk mengakses akaun serta RHB Bank menggunakan Dot Com Kad. Kaedah-kaedah ini memerlukan penggunaan kad pintar selain hanya memasukkan data pengesahan (log ID) serta kata laluan sebelum suatu transaksi dimulakan. Selain itu, pihak bank-bank di Malaysia juga mengambil langkah proaktif dalam menjamin keselamatan penggunaan perbankan Internet dengan melaksanakan ujian penembusan untuk mengenalpasti, mengasing dan mengesahkan kemungkinan ataupun kebarangkalian kesilapan berlaku ke atas kata laluan; dinding keselamatan dan penyulitan utuh atau *encryption* (Johardy Ibrahim & Amran Ahmad, 2006).

Dalam membincangkan isu keselamatan penggunaan transaksi atas talian ini, umumnya, ia menfokuskan kepada keselamatan maklumat-maklumat pelanggan yang digunakan semasa transaksi dilakukan, khususnya nombor kad kredit dan data peribadi. Terdapat dua keadaan yang biasa dilakukan oleh penceroboh dalam memperolehi maklumat pelanggan iaitu dengan cara pihak tidak bertanggungjawab berjaya mengakses maklumat peribadi pelanggan semasa urusan perbankan menerusi Internet dilakukan serta kaedah "*phishing*" atau kecurian identiti menerusi laman web palsu.

Penceroboh mengakses maklumat semasa transaksi

Pelbagai teknologi diperkenalkan bagi menjamin keselamatan pembayaran semasa transaksi dilakukan, walau bagaimanapun ia tidak menjamin seratus peratus berkaitan keselamatan maklumat pengguna. Keselamatan maklumat pengguna bermaksud, segala data-data pengguna seperti nombor kad kredit tidak dengan mudah dapat dicerobohi dan digunakan oleh pihak lain yang tiada berkenaan. Pembekal perkhidmatan Internet secara kebiasaannya mengambil langkah mudah iaitu dengan melepaskan dari bertanggungjawab di atas segala keselamatan maklumat pengguna atau pelanggannya. Sebagai contoh, perenggan 11 terma dan syarat Maxis.Net menyatakan bahawa Maxis tidak akan bertanggungjawab di atas segala maklumat yang pengguna berikan. Adalah menjadi tanggungjawab pelanggan untuk memastikan keselamatan terhadap maklumat yang disimpan atau disalurkan melalui perkhidmatan itu. Manakala JARING (Joint Advanced Research Integrated Networking) juga meletakkan semua tanggungjawab ke atas pelanggan dan syarikat pegangannya iaitu MIMOS (The Malaysian Institute of Microelectronic Systems) tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kerugian atau kehilangan oleh pelanggan apabila berurusan dengan maklumat tersebut. Syarikat TM Net pula dalam terma dan syarat menerusi perenggan 3 dan 7 menyatakan bahawa syarikatnya tidak boleh menjamin kerahsiaan pengguna portal TM Net dan tidak akan bertanggungjawab akan keselamatannya (Abu Bakar & Ganasegaran, 2004).

Dengan adanya peruntukan seumpama ini, sedikit sebanyak akan menyebabkan pelanggan berasa gusar dan sangsi untuk membuat urusan di Internet kerana bimbangkan segala maklumat yang dicerobohi akan dipertanggungjawabkan secara sendirian. Di United Kingdom misalnya, *Data Protection Act 1998* diwujudkan bagi tujuan mengawalselia maklumat yang diproses termasuklah pengambilan, penyimpanan, penggunaan atau pendedahan sesuatu maklumat. Setakat ini, tidak ada undang-undang yang mengawalselia perkara yang berkaitan dengan perlindungan data ini di Malaysia. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah menerbitkan dan mendaftar satu peraturan yang dinamakan Kod Am Pengguna atau *General Cosumer Code* (GCC). GCC menyatakan berkenaan dengan hak-hak pengguna untuk perkhidmatan yang ditawarkan oleh industri multimedia dan komunikasi dan ini termasuklah pembekal perkhidmatan Internet. Antara lain, GCC menggariskan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi oleh pembekal perkhidmatan Internet apabila

mengambil maklumat dari pelanggannya sama ada secara lisan atau bertulis. Antara peraturan-peraturan yang digariskan adalah:

- a) Pembekal perkhidmatan Internet bertanggungjawab melaksanakan polisi bagi melindungi kerahsiaan maklumat tersebut
- b) Setiap polisi hendaklah mudah dibaca, difahami oleh pengguna dan diberitahu kepada pengguna sebelum pengumpulan maklumat dilakukan
- c) Pengguna harus diberi peluang untuk membuat pilihan bagaimana maklumat yang diperolehi atau dikutip harus digunakan
- d) Pembekal perkhidmatan Internet mempunyai tugas untuk mengambil langkah-langkah sesuai bagi melindungi maklumat
- e) Pembekal perkhidmatan Internet perlu mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan maklumat adalah benar dan lengkap.

Peraturan-peraturan dalam GCC ini diharap dapat diaplikasikan oleh pembekal perkhidmatan Internet dalam memberikan jaminan terhadap ciri-ciri keselamatan dalam transaksi maya termasuklah pembayaran menerusi kad kredit. Peraturan-peraturan dalam GCC ini juga diharapkan dapat dijadikan panduan bagi kerajaan menggubal satu akta berkaitan perlindungan data dan maklumat di masa akan datang. Dengan tergubalnya satu undang-undang yang kemas, secara tidak langsung, pengguna akan lebih yakin dalam menggunakan kad kredit menerusi suatu transaksi maya.

Kecurian identiti atau phishing menerusi laman web palsu

Kecurian identiti atau *phishing* dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dengan mewujudkan laman-laman web palsu bank bagi mendapatkan maklumat pengguna seperti maklumat pada kad kredit seperti nama pengguna dan nombor akaun. Kejadian ini mungkin agak baru di Malaysia, walau bagaimanapun di Amerika Syarikat kes *phishing* ini semakin berleluasa. Ini jelas menerusi peningkatan jumlah kes iaitu antara Oktober 2004 hingga Jun 2005 iaitu dari 6,957 kes kepada 15,050 kes dilaporkan (Yulpisman Asli, 2006).

Modus operandi bagi kegiatan *phishing* ini dilihat amat mudah iaitu pihak yang tidak bertanggungjawab mewujudkan laman web palsu yang nampak seolah-olah seperti yang asal. Mereka kemudiannya menghantar e-mel kepada orang ramai atau pelanggan bank untuk melayari pada alamat laman web yang diberikan. Pelanggan yakin setelah melihat laman web yang diwujudkan serupa atau hamper serupa dengan laman web perbankan Internet yang asli. Pelanggan yang tidak curiga lantas terus membuat transaksi di laman web palsu ini.

Langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia dalam mengetatkan kaedah perbankan Internet dilihat sebagai suatu yang amat baik dalam meningkatkan keselamatan perbankan siber seperti menerusi penggunaan kad kredit. Bank Negara Malaysia telah mengarahkan semua institusi kewangan di negara ini wajib menggunakan sistem pengesahan dua peringkat berkuatkuasa 1 Disember 2006 bagi mengelak kecurian identiti pelanggan perbankan Internet. Langkah ini diambil berikutan kes kecurian identiti yang melibatkan pelanggan perbankan Internet semakin meningkat. Bagi sembilan bulan pertama untuk tahun 2006 sahaja, sebanyak 159 kes kecurian dilaporkan berbanding 132 kes dilaporkan pada tahun 2005. Kes-kes ini dilaporkan oleh pihak institusi perbankan dan pelanggan kepada Pusat Keselamatan dan Tindakan Balas Kecemasan Teknologi Komunikasi dan Maklumat Negara atau NISER (Yulpisman Asli & S.Anand Kumar, 2006). Bank Negara Malaysia juga menyarankan pengguna ketika menggunakan perbankan Internet dengan melakukan perkara-perkara berikut:

- i) menukar kata laluan atau nombor PIN secara kerap
- ii) memastikan pelanggan berada di laman web yang betul dan bercirikan keselamatan

- iii) tidak menyimpan ID log masuk dan kata laluan atau nombor PIN di dalam komputer
- iv) memastikan bahawa pelanggan log masuk ke laman web yang betul
- v) menyemak sejarah transaksi dan penyata akaun secara kerap
- vi) melindungi komputer dari penceroboh, virus dan program perosak
- vii) berhati-hati apabila memindah masuk bahan luar ke perisian
- viii) jangan meninggalkan komputer terbiar setelah memasuki sistem
- ix) sentiasa ingat untuk log keluar
- x) jangan sekali-kali menghantar maklumat peribadi terutamanya kata laluan atau nombor PIN melalui e-mel biasa
- xi) mengelak dari menggunakan komputer yang dikongsi bersama atau milik awam untuk mengendalikan transaksi perbankan Internet
- xii) jika risau tentang keselamatan akaun Internet, hubungi institusi perbankan berkenaan untuk membincangkan isu tersebut dan cara penyelesaiannya.

PENGGUNAAN KAD KREDIT DI SISI SYARAK

Takrifan yang dikeluarkan oleh Ketetapan Majlis Kesatuan Fiqh Islam Sedunia (Majma' Fiqh Islami) bagi kad kredit adalah satu bentuk penyata sandaran (penyata keterangan) yang diiktiraf, diberikan oleh pengeluar kepada mana-mana individu atau pihak yang diiktiraf melalui kontrak di antara kedua-dua belah pihak, ia membolehkan pemegangnya membuat pembelian barangan atau perkhidmatan dari semua pihak yang mengiktiraf penyata sandaran (kad kredit) tadi, tanpa perlu membuat pembayaran tunai (segera), kerana ia mengandungi jaminan pembayaran dari pihak pengeluar (Zaharudin Abd Rahman, 2003).

Penggunaan kad kredit merupakan metod pembayaran yang selalu digunakan dalam suatu transaksi maya selain kad caj dan kad debit. Prinsip umum syariah menyatakan bahawa apa jua bentuk pembayaran adalah diterima di dalam Islam selagi gharar (ketidakpastian) dapat dielakkan. Selain itu, setiap pembayaran juga harus menepati sebarang syarat sekiranya ada di dalam suatu perjanjian tersebut. Penggunaan kad kredit terutamanya sebagai medium pembayaran utama dalam transaksi maya berkait rapat dengan isu caj faedah yang dikenakan. Terdapat dua cadangan untuk mengatasi masalah caj faedah yang merupakan sesuatu yang ditegah oleh Islam. Pendapat pertama menyatakan bahawa penggunaan kad kredit adalah dibenarkan jika sekiranya pengguna dapat memastikan bahawa pembayaran boleh dilakukan pada masa yang ditetapkan. Ini bertujuan bagi mengelakkan dikenakan faedah ke atas nilai yang bertanggung. Manakala pendapat kedua pula yang akan dikupas lebih lanjut dalam artikel ini iaitu menekankan kepada penggunaan kad kredit berlandaskan syariah yang banyak ditawarkan pada masa kini (Aznan Hasan, 2004).

Persoalan yang seringkali bermain di minda seorang pengguna muslim adalah sama ada penggunaan kad kredit berlandaskan syariah benar-benar halal di sisi Islam. Pada masa lalu, kad kredit yang ditawarkan adalah lebih kepada sistem perbankan konvensional dan bukannya kad kredit yang berlandaskan kepada syarak. Secara amnya, jenis kontrak dalam penggunaan kad kredit adalah di antara pemegang kad, pengeluar kad tersebut serta pihak ketiga (penjual misalnya) adalah diiktiraf di dalam Islam merujuk kepada prinsip *Al-Kafalah* yang meliputi *Kafil* sebagai penjamin pengeluar kad, *Makful* iaitu pihak pemegang kad serta *Makfullahu* iaitu penjual. Kontrak sebegini adalah diiktiraf oleh Islam. Setiap pemegang kad secara kebiasaannya perlu menjelaskan yuran tahunan serta kos tertentu dari peniaga kepada Bank Pengeluar serta mewajibkan pemegang kad membuka akaun di Bank Pengeluar. Perkara ini adalah hukumnya harus di sisi Islam. Isu mengenai haramnya penggunaan kad kredit selalunya merujuk kepada perkara berkaitan denda atas kelewatan melangsaikan suatu bil. Perkara ini menjadi haram kerana terdapat unsur *riba an-nasiah* yang ditegah oleh Islam kerana bersifat menzalimi sesama insan sebagaimana yang diputuskan oleh Persidangan fiqh bagi kad kredit di Bahrain pada November 1998

(Milenia Muslim, Disember 2005). Riba' merupakan sesuatu yang dilarang dalam Islam sebagaimana yang termaktub di dalam al-Quran menerusi Surah Ali Imran ayat 130 yang membawa maksud:

“Wahai orang yang beriman, jangan kamu memakan atau mengambil riba dengan berlipat-ganda dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya.”

Langkah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) memperkenalkan kad kredit yang berlandaskan kepada syarak telah berjaya memberikan alternatif kepada umat Islam untuk menggunakan kad kredit dalam urusan kehidupan seharian tanpa melanggar batasan syarak. Bank Islam Malaysia Berhad adalah merupakan institusi kewangan pertama di Malaysia yang mengeluarkan kad kredit berlandaskan kepada syariah Islam. Kad kredit itu dikenali sebagai Kad Bank Islam (KBI). Pengeluaran KBI adalah berdasarkan kepada kontrak-kontrak yang dibenarkan oleh syariah iaitu *Bai al-'Inah*, *al-Wadi'ah* dan *Qardhul Hassan*. *Bai al-'Inah* ialah apabila jual beli sesuatu dilakukan secara bertangguh masa atau penjualan barang secara bertangguh kemudian dia membelinya semula dengan harga yang kurang (Abdul Halim El-Muhammady, 2001). Kontrak ini adalah bertujuan untuk memberi jalan kepada pemiutang yang enggan memberi hutang secara *Qardhul Hassan* untuk mendapat pulangan yang lebih daripada jumlah hutang yang diberikan. Pemiutang pula ingin mendapat keuntungan daripada hutang yang diberikan dan dapat mengelak dari amalan *riba* dengan menjual sesuatu barangan kepada peminjam.

Manakala kontrak *wadi'ah* pula memberi kuasa atau mewakilkan kepada seseorang supaya menjaga harta atau barang miliknya (Abdul Halim El-Muhammady, 2001). Para fuqaha telah bersependapat bahawa kontrak *wadi'ah* adalah diharuskan berdasarkan kepada kepentingannya serta keperluannya kepada manusia di dalam kehidupan ini (Abdul Halim El-Muhammady, 2001). Keharusan kontrak ini adalah bersandarkan kepada dalil al-Qur'an di dalam Al-Baqarah ayat 283 yang bermaksud:

“sesungguhnya Allah memerintah kamu supaya menunaikan amanah kepada orang yang berhak”

Penggunaan *wadi'ah* dalam perbankan Islam adalah merujuk kepada perjanjian di mana pelanggan menandatangani wang ke dalam bank. Bank mempunyai kuasa untuk menggunakan deposit tersebut atas risiko dan faedah yang ditanggung oleh bank. Pelanggan bebas untuk mengeluarkan wang tanpa sebarang risiko dan prinsip ini lebih dikenali sebagai *wadi'ah yad dhamanah* iaitu simpanan yang selamat dengan jaminan. Wang pemegang kad kredit merupakan amanah bank. Bank yang kini bertindak sebagai penjamin, hendaklah menjaga wang tersebut dan pihak bank boleh menggunakan wang pelanggan dengan jaminan bank akan memulangkan kembali bila-bila masa apabila dikehendaki oleh pelanggan.

Kontrak *Qardhul Hassan* pula merupakan kontrak pinjaman tanpa faedah yang diberikan kepada peminjam. Peminjam adalah dikehendaki membayar hutangnya berdasarkan kepada jumlah yang dipinjam sahaja dan tidak lebih daripada itu.

Terdapat empat perbezaan yang utama di antara KBI dan kad kredit konvensional yang lain (Zuryati, Sarirah & Yuhanif, 2004). Perbezaan pertama adalah berkaitan dengan amalan faedah oleh institusi kewangan konvensional dalam menjaga keuntungan. Faedah akan dikenakan ke atas jumlah kredit yang digunakan dan juga ke atas kelewatan menjelaskan bayaran dalam masa yang telah ditentukan. KBI bebas dari unsur-unsur *riba* seperti ini.

Perbezaan kedua pula adalah kad kredit konvensional adalah keseluruhan atau seratus peratus berdasarkan pinjaman. Dalam erti kata lain, apabila pemegang kad menggunakan kad kreditnya, ia sebenarnya meminjam wang daripada bank dan membayarnya secara ansuran bersama faedah. Konsep ini berbeza dengan KBI kerana konsep KBI adalah berdasarkan kepada prinsip jual beli di mana satu kontrak (*bai inah*) telah terbentuk dan wang jualan dimasukkan ke dalam akaun pemegang kad. Apabila

pemegang kad menggunakan kad untuk membuat bayaran, bank akan menolak daripada akaun pemegang kad itu sendiri.

Manakala perbezaan ketiga pula adalah berkaitan dengan caj penalti. Mengenakan penalti sebegini adalah dilarang dalam Islam kerana ianya akan membebankan lagi pemegang kad. Tiada caj penalti yang dikenakan oleh KBI untuk kelewatan bayaran berbanding kad kredit konvensional yang mengenakan penalti bagi pemegang kad yang lewat membuat bayaran.

Perbezaan keempat pula adalah dari aspek keuntungan kepada bank di mana margin keuntungan Bank Islam adalah tetap iaitu sebanyak 18% setahun. Jumlah keuntungan ini dimaklumkan kepada pemegang kad ketika akad jual beli berlaku di antara bank dan pemegang kad. Oleh itu, walaupun berlaku kelewatan bayaran, bank tidak akan mengenakan sebarang caj tambahan. Selain itu, pemegang KBI juga akan menikmati maksimum penjimatan rebet keuntungan sehingga 2.5 peratus setahun yang akan dikreditkan terus ke dalam akaun pemegang kad setiap bulan sekiranya pengendalian pembayaran akaun yang baik dilakukan pada setiap bulan (Azman Mohd Nawi, 2005). Bagi kad kredit konvensional, sungguhpun faedah atau keuntungannya juga adalah 18% setahun, tetapi bank menjana keuntungan daripada kos-kos lain seperti caj lewat bayar, caj perkhidmatan dan sebagainya yang juga dikenali sebagai kos tersembunyi.

Selain KBI, bank-bank lain di negara kita juga mengorak langkah dengan memperkenalkan produk kad kredit berteraskan syariah. Antaranya adalah kumpulan Ambank melalui jendela perbankan Islamnya menasaskan pertumbuhan lebih setengah juta kad kredit Islamnya menjelang Mac 2006. Kad kredit berteraskan syariah oleh Ambank yang dikenali sebagai *Al-Tasrif* turut mendapat sambutan di kalangan bukan Islam kerana kelebihan dan penjimatan yang ditawarkan (Jaidi Sahar, 2005).

Umumnya, penggunaan kad kredit berteraskan syariah adalah bebas dari unsur-unsur yang ditegah Islam khususnya riba. Namun begitu, persoalan yang masih menjadi perdebatan adalah adakah ianya benar-benar mengikut landasan yang ditetapkan oleh syariah? Ini kerana, tidak kiralah sama ada KBI atau kad-kad kredit dari perbankan Islam yang lain membuat perjanjian dengan dua nama gergasi iaitu MasterCard dan Visa. Kedua-dua jenama ini berkait terus dengan urusan riba di serata dunia.

Selain itu, setiap transaksi yang menggunakan kad kredit ini tidak kiralah sama ada di dalam transaksi biasa mahupun transaksi maya perlu mematuhi elemen-elemen asas kontrak yang tidak bercanggah dengan Islam, antaranya yang berkaitan akad, orang yang berakad dan barangan yang diperjual belikan. Dalam keadaan seseorang membuat bayaran terhadap kontrak yang dilakukan secara transaksi maya, seperti menggunakan borang yang disediakan dalam laman web dan pembayaran dilakukan menggunakan kad kredit, kontrak adalah termeteri di antara mereka. Pihak-pihak dalam transaksi tersebut adalah bertanggungjawab untuk menunaikan segala liability secara sepenuhnya. Namun begitu, isu yang sering diperkatakan adalah mengenai elemen berkaitan barangan yang diperjual belikan. Syarak menetapkan bahawa setiap barangan mestilah suci serta halal. Barang-barang yang najis adalah tidak sah hukum penjualannya. Pengguna kad kredit Islam (termasuk oleh pemegang yang bukan Islam) sebasnya menggunakan kad kredit berlandaskan syariah ini untuk membeli arak serta apa juga aktiviti yang bertentangan dengan Islam. Dalam perkara urusan transaksi maya, pengguna juga boleh menggunakan kad kredit Islam ini untuk sesuatu yang bertentangan syariah, misalnya perjudian Internet serta penggunaannya dalam laman web lucah berbayar, melainkan sekiranya pihak bank mengetahuinya, maka berkemungkinan, penggunaannya boleh disekat.

Dalam menangani pembelian barangan atau menggunakan perkhidmatan yang dilarang di sisi syarak, pihak Bank Islam misalnya, telah membuat beberapa ketetapan. Perkara ini terkandung dalam perjanjian Kad Bank Islam yang dikeluarkan kepada pemegang-pemegang kad kredit (Muhammad Azam & Ahmad Shamsul, 2004).

Ini dapat dilihat daripada fasal 4 (4.2) (d) perjanjian yang menyatakan;

“The Cardmember shall use the Card only to effect retail purchase, payment or Cash Withdrawal of Halal goods and services and not otherwise.”

Fasal ini dengan jelas menyatakan bahawa KBI hanya boleh digunakan untuk pembelian atau perkhidmatan yang halal di sisi syarak sahaja. Maksud “barangan dan perkhidmatan yang halal” dijelaskan dalam fasal 1(1.1)(j) iaitu;

“Halal goods and services” means goods and services that are acceptable and in line with the syariah.”

Barangan dan perkhidmatan halal ini merujuk kepada apa juga yang tidak bertentangan dengan syariah. Dengan ini KBI hanyalah untuk kegunaan barangan dan perkhidmatan yang halal sahaja. Manakala pembelian barangan atau perkhidmatan yang diperolehi daripada mana-mana perniagaan adalah tertakluk kepada fasal 1 (1.1) (e) yang menyatakan;

“Authorized Merchant means the establishments supplying Halal goods and/or services and accept the Card as a form of payment.”

Sungguhpun peruntukan ini jelas, namun begitu, tidak terdapat sebarang kaedah atau mekanisme untuk menghalang pengguna kad kredit dari membuat transaksi ke atas barangan yang tidak halal. Peruntukan larangan yang dimasukkan dalam perjanjian kad kredit oleh BIMB adalah sesuatu yang baik untuk dipraktikkan, namun begitu, tindakan yang boleh diambil hanyalah atas dasar melanggar kontrak perjanjian. Walaupun terdapat peruntukan yang menghalang transaksi yang haram, tetapi sukar untuk dikenalpasti transaksi yang bertentangan dengan syariah ini kerana tuntutan bayaran yang dilakukan terhadap pihak BIMB hanyalah menyatakan nama premis sahaja dan bukannya barangan yang dibeli. Tindakan hanya boleh dilakukan sekiranya premis-premis tersebut jelas melakukan urusan yang haram. Sekiranya pemegang-pemegang KBI didapati melakukan transaksi jualan yang bertentangan dengan syarak, mereka telah melanggar kontrak perjanjian yang telah dimeterai dan pihak BIMB berhak untuk membatalkan kad tersebut. Walau bagaimanapun, sekurang-kurangnya dengan adanya peruntukan ini, ia dapat menegah sedikit sebanyak kemungkaran daripada terus berleluasa. Seperti mana hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari yang bermaksud:

“Sesungguhnya halal itu nyata dan haram itu nyata, tetapi di antara kedua-duanya mengandungi perkara-perkara yang subahat, yang tidak diketahui ramai manusia.”

Oleh itu, kedudukan penggunaan kad kredit di sisi syarak dalam urusan transaksi maya adalah perlu melihat kembali jenis kad kredit yang digunakan. Umumnya, penggunaan kad kredit berteraskan syariah dalam transaksi maya adalah sah dan halal di sisi Islam.

KESIMPULAN

Penggunaan kad kredit sebagai instrumen pembayaran untuk suatu transaksi maya amatlah penting. Undang-undang berkaitan keselamatan pembayaran serta keselamatan maklumat pengguna harus diwujudkan bagi meningkatkan keyakinan masyarakat untuk melaksanakan urusan melalui transaksi maya. Penggunaan kad kredit itu sendiri menjana cara berbelanja yang kurang cerewet serta kepada pemilihan harga dan terlalu mengikut selera. Bagi masyarakat Islam, pemilihan kad kredit yang bertepatan adalah amat kritikal bagi membebaskan diri dari perkara-perkara yang ditegah oleh syarak.

Namun, dalam keghairahan berbelanja menggunakan kad kredit, perbelanjaan berhempah harus diberi keutamaan. Perangkaan jelas menunjukkan bahawa separuh dari kes muflis di Malaysia adalah kerana gagal melunaskan bayaran kad kredit. Ini terbukti apabila seramai 16,251 orang diisytiharkan muflis pada tahun 2004 berbanding 12,351 pada tahun sebelumnya.

RUJUKAN

- Abdul Halim el-Muhammady. (2001). *Undang-undang Muamalat & Aplikasinya Kepada Produk-produk Perbankan Islam*. Percetakan Bintang: Selangor.
- Abu Bakar Munir & Ganasegaran, *The general consumer code: Towards compliance by Internet service providers*, CTRLR, (3), 2004.
- Azlin Namili Ali (2004). *Masalah berkaitan perbankan elektronik di Malaysia*. Dalam Prosiding Seminar Undang-Undang dan Teknologi 2004, 7 April, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azman Mohd Nawawi (2005). Kad Bank Islam bukan kad hutang, *Milenia Muslim*, Disember hlm. 8.
- Aznan Hassan (2004). *Kerangka undang-undang transaksi maya menurut perspektif Islam*, Kertas Kerja Seminar Undang-undang & Teknologi, UKM, 7 April.
- Jaidi Sahar (2005). Kad Bank Islam: Dimana halalanya, *Milenia Muslim*, Disember hlm. 6.
- Johardy Ibrahim & Amran Ahmad (2006). BNM jamin wang pengguna ditipu diganti. *Utusan Malaysia*, 13 Oktober hlm. 3.
- Mowardi Mahmud (2006), Perbankan internet kekal cekap, selamat, *Utusan Malaysia*, 17 Oktober hlm 21.
- Muhammad Azam & Ahmad Shamsul (2004). Penggunaan kad kredit dalam transaksi jual beli yang bertentangan dengan syara': Satu tinjauan, Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Pengurusan Perniagaan, UNITEN, 6-7 Disember.
- Smith (1998) *Privacy law in the USA*. Terdapat di <http://www.rbs2.com/privacy.htm>.
- Laman web rasmi Bank Negara Malaysia. Terdapat di www.bnm.gov.my.
- Yulpisman Asli (2006). Curi identiti meningkat, *Utusan Malaysia*, 13 Oktober hlm 1.
- Yulpisman Asli & S.Anand Kumar (2006). Perbankan siber diperketat, *Utusan Malaysia*, 14 Oktober hlm 1.
- Zaharuddin Abd Rahman (2003). *Adakah kad kredit haram di dalam Islam*. Terdapat di <http://free.hostdepartment.com/h/hasrizal/articles/kadkredit.htm>.
- Zuryati Mohamed Yusoff, Sarirah Che Rose & Yuhanif Yusof. (2004). Kad Bank Islam: Satu alternatif kepada kad kredit konvensional. Dalam *Prosiding Persidangan Kebangsaan Undang-undang 2004*. 25 September, Pulau Pinang.
- _____, (2005). Ringkasan maklumat dan latar belakang kad kredit. *Milenia Muslim*, Disember hlm10.